

NO. SOALAN : 310

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah cuaca yang tidak menentu di seluruh dunia kini menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kehadiran pelancong antarabangsa ke Malaysia bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini amat menggalakkan walaupun fenomena El Nino sedang melanda negara. Ini adalah kerana kebanyakan pelancong antarabangsa gemar berkunjung ke Malaysia kerana mereka menyukai cuaca panas di negara ini meskipun suhunya tinggi berbanding biasa. Kebanyakan pelancong yang datang ke Malaysia mahu mengelak daripada menghadapi musim sejuk di negara mereka. Tidak seperti di negara Timur Tengah yang sangat panas, di negara ini walaupun suhu mencecah 37 darjah selsius, pelancong masih boleh bertahan dengan suhu ini dan melakukan aktiviti-aktiviti yang diinginkan dalam cuaca yang sebegini.

Pada dasarnya, kerajaan menyasarkan kedatangan pelancong antarabangsa berjumlah 30.5 juta pada tahun ini dengan jangkaan sumbangan kepada pendapatan negara kira-kira RM103 bilion. Pada 2015 seramai 25.7 juta pelancong telah berkunjung ke negara ini dengan jumlah pendapatan sebanyak RM69.1 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara umum sejauh mana kejayaan PBT menyelesaikan isu kebersihan sejak penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dilaksanakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksanakan bermula 1 September 2011 bagi tujuh (7) buah negeri (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kedah dan Perlis) yang menggunakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), negeri-negeri tersebut telah mengalami transformasi dalam aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Antara peningkatan kualiti perkhidmatan yang telah diberikan adalah seperti berikut:-

- (i) Pengagihan tong 120 liter di setiap premis bertanah;
- (ii) Kualiti perkhidmatan berasaskan kepada Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) yang menyeluruh meliputi sistem penjadualan perkhidmatan, logistik, cara kerja dan lain-lain; dan

- (iii) Penggunaan peralatan dan kenderaan yang lebih moden dan berkesan seperti:-
- (a) Kompaktor yang dilengkapi dengan *Bin Lifter*;
 - (b) *Ultra Whack Vacuum Cleaner* untuk pembersihan longkang tertutup;
 - (c) *Road Sweeper* untuk pembersihan jalan; dan
 - (d) *Beach Comber* untuk pembersihan pantai.

Pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah berjaya menyelesaikan masalah sampah haram menerusi serbuan dan tangkapan yang telah dijalankan ke atas lokasi-lokasi *hot spot* yang sering menjadi tumpuan pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa pepejal di lokasi yang tidak dibenarkan. Pada tahun 2015, sebanyak 851 lokasi *hot spot* sampah haram telah dibasmi di negeri yang menerima pakai Akta 672 dan sejumlah 1,145 Notis Pemberitahuan Kesalahan dan 58 Kertas Siasatan telah dikeluarkan di mana terdapat dua (2) Kes Pendakwaan (sehingga September 2015) telah disabitkan. Kes-kes yang berjaya disabitkan adalah di Port Dickson dan Tampin, Negeri Sembilan. Bagi kes di Port Dickson pesalah didenda

RM10,000.00 atau penjara lima (5) bulan dan bagi kes di Tampin pula pesalah didenda RM25,000.00 atau penjara 10 bulan.

Pada masa yang sama, purata bulanan aduan awam juga telah menunjukkan penurunan pada setiap tahun seperti berikut:-

BIL	TAHUN	BIL ADUAN
i.	2011	2,182
ii.	2012	1,764
iii.	2013	1,175
iv.	2014	644
v.	2015	281
vi.	2016	212
JUMLAH		6,258

Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang meningkat dari semasa ke semasa telah menyumbang kepada tahap kepuasan masyarakat dan penurunan penerimaan aduan awam.

Sebagai contoh, pada suatu masa dahulu Alor Setar pernah dilabelkan sebagai sebuah bandar yang mengalami masalah kebersihan, namun setelah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengambil alih tugas pengurusan sisa pepejal di daerah tersebut, Kementerian telah menerima banyak komen positif yang menyatakan bahawa Alor Setar kini lebih bersih dari aspek kebersihan longkang, pemotongan rumput, kutipan sisa pepejal serta aktiviti kitar semula yang dijalankan.

Justeru, berdasarkan faktor-faktor tersebut, penswastaan yang dilaksanakan telah berjaya menyelesaikan isu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.